

PERJALANAN PERCUMA 30 HARI RAPID KL (RKLFR)

Pada 16 Jun 2022 Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob telah melancarkan pembukaan laluan MRT Putrajaya (Fasa 1) di stesen MRT Kg. Batu. Sempena pembukaan laluan baru ini, YAB Dato' Sri mengumumkan perjalanan percuma akan diberikan selama 30 hari untuk semua perkhidmatan Rapid KL bermula 16 Jun hingga 15 Julai 2022 (Tempoh Kempen) untuk semua pelanggan.

SOALAN LAZIM

1. Apakah 30 hari Perjalanan Percuma Rapid KL (RKLFR)?

RKLFR adalah tawaran perjalanan percuma selama 30 hari kepada semua pelanggan yang menggunakan atau ingin mencuba perkhidmatan Rapid KL dari 16 Jun hingga 15 Julai 2022.

2. Siapakah yang boleh menikmati RKLFR?

Terbuka kepada semua pelanggan baharu, berpotensi dan yang sedia ada.

3. Saya ingin menikmati perjalanan percuma, tetapi saya tidak memiliki sebarang pas Rapid KL. Adakah saya boleh menikmati perjalanan percuma selama 30 hari Rapid KL?

Boleh. Sila rujuk poster RKLFR di laman web rasmi kami <https://myrapid.com.my>, platform media sosial atau di mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan. Muat turun aplikasi MyRapid PULSE yang terdapat di Apple Store dan Google Play atau dapatkan borang tinjauan di mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan, isi butiran anda, serahkan kepada Pegawai Khidmat Pelanggan kami dan anda akan diberi token perjalanan percuma.

4. Saya adalah pengguna pas My50/ Kad Konsesi/ Kad Touch 'n Go, adakah saya masih perlu menebus token perjalanan percuma di Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL?

Tidak. Anda boleh menikmati perjalanan percuma dengan menggunakan kad/ pas anda yang sedia ada. Caj tambang kad/ pas anda akan disifarkan di pintu keluar di setiap perjalanan. Sila pastikan sekurang-kurangnya RM5.00 nilai tersimpan dikekalkan di dalam pas My50/ Kad Konsesi/ Kad Touch 'n Go anda sebelum menggunakan perkhidmatan Rapid KL rel atau bas.

5. Saya ingin menaiki bas pengantara MRT, adakah saya masih boleh menikmati perjalanan percuma RKLFR?

Ya, RKLFR adalah tawaran perjalanan percuma selama 30 hari kepada semua pelanggan perkhidmatan Rapid KL bermula 16 Jun hingga 15 Julai 2022. Untuk mana-mana penggunaan rel atau bas, sila lengkapkan sentuhan pas/kad di pintu keluar stesen / bas.

6. Bolehkan saya menikmati kadar tetap di Park 'N Ride?

Ya, anda boleh menikmati kadar rata di kemudahan LRT dan MRT Park 'N Ride semasa RKLFR. Anda harus pastikan pas/ kad (My50/ Konsesi/ Touch 'n Go) disentuh di pintu masuk Park 'N Ride dan menggunakan pas/ kad yang sama untuk menggunakan perkhidmatan Rapid KL.

7. Saya telah membeli My50 dan telah membayar RM50.00 di kaunter khidmat pelanggan Rapid KL pada 16 Jun 2022, adakah saya akan diberikan 30 hari percuma ataupun diberikan bayaran semula?

Tiada bayaran semula akan dikenakan, walau bagaimanapun, anda masih boleh menikmati RKLFR untuk pembelian anda yang seterusnya. Anda dikehendaki menyimpan resit pembayaran untuk menebus 30 hari perjalanan percuma untuk pembelian seterusnya pada 23 hingga 25 Julai 2022, hanya apabila pas semasa My50 anda sudah tamat sepenuhnya. Sebarang permohonan selepas tarikh penjualan ini tidak akan dilayan.

8. Adakah resit pembaharuan My50 perlu disimpan?

Tidak. Jangan bimbang jika anda tidak menyimpan resit anda, Pegawai Khidmat Pelanggan kami akan bantu anda untuk membuat pengesahan.

9. Saya merupakan pengguna My50 dan saya ingin memperbaharui pas My50 saya 3 hari sebelum tarikh tamat tempoh iaitu pada 21 Jun 2022. Adakah saya boleh menikmati RKLFR?

Tiada pembaharuan atau pembelian awal untuk pas My50 akan dibenarkan. Sekiranya pas My50 anda tamat tempoh pada 21 Jun 2022, anda perlu melanggan My50 pada 22 Jun 2022 untuk menikmati RKLFR. Anda tidak akan dikenakan bayaran untuk pas My50 tersebut, namun caj RM0.50 transaksi tambah nilai Touch 'n Go masih dikenakan.

10. Saya merupakan pengguna My50 sedia ada dan telah melanggan pas My50 pada 10 Jun 2022. Adakah saya masih layak untuk menikmati RKLFR kerana pas semasa My50 saya masih aktif?

Ya, anda layak. Walau bagaimanapun, anda perlu menggunakan pas semasa My50 anda sehingga tamat tempoh. Untuk pengguna sedia ada, pas My50 yang mempunyai tarikh tamat tempoh antara 17 Jun sehingga 14 Julai 2022 akan menikmati perjalanan percuma

pada pembelian pas yang seterusnya. Anda tidak akan dikenakan bayaran untuk pas My50 tersebut, namun caj RM0.50 transaksi tambah nilai Touch 'n Go masih dikenakan.

11. Bilakah saya perlu memperbaharui pas My50? 15 Julai 2022 atau sehari selepas pas tamat tempoh?

Anda perlu memperbaharui pas My50 sehari selepas pas anda tamat tempoh. Anda tidak akan dikenakan apa-apa bayaran (kecuali caj RM0.50 transaksi tambah nilai Touch 'n Go).

Contoh: Pas My50 semasa anda tamat pada 23 Jun dan anda perlu memperbaharui pas anda pada 24 Jun 2022. Anda tidak akan dikenakan bayaran untuk pas My50 tersebut, namun caj RM0.50 transaksi tambah nilai Touch 'n Go masih dikenakan

12. Saya telah memperbaharui My50 awal iaitu 7 hari sebelum pengumuman perjalanan percuma dan akan tamat tempoh selepas 15 Julai. Adakah saya layak untuk menebus perjalanan percuma?

Jika anda telah memperbaharui My50 awal iaitu 7 hari sebelum pengumuman perjalanan percuma dan pas akan tamat tempoh selepas 15 Julai, anda boleh pergi ke Pejabat Khidmat Pelanggan kami yang terdekat untuk tujuan pengesahan dan untuk kami bantu anda untuk mendapatkan perjalanan percuma (RKLFR) ini selewat-lewatnya pada 15 Julai 2022.

13. Saya akan menggunakan perkhidmatan Rapid KL bersama keluarga pada 18 Jun 2022. Adakah saya perlu membeli pas Keluarga Malaysia?

Tidak. Pas Keluarga Malaysia tidak akan dijual selama tempoh RKLFR iaitu 16 Jun hingga 15 Julai 2022. Anda disarankan untuk memuat turun aplikasi MyRapid PULSE yang terdapat di Google Play dan Apple Store dan isikan butiran peribadi untuk menikmati RKLFR. Untuk pengguna token, sila ke mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL kami.

14. Saya ingin membeli pas MyCity pada 18 Jun 2022, bagaimanakah saya boleh membuat pembelian?

Anda tidak dapat membeli Pas MyCity. Pas MyCity 1-hari dan 3-hari tidak dijual dari 16 Jun hingga 15 Julai 2022.

15. Saya tidak mengetahui tentang RKLFR ini dan saya telah memperbaharui pas My50 saya pada 14 Jun 2022. Bolehkah saya mendapat bayaran semula?

Tidak, anda tidak boleh mendapat bayaran semula. Anda perlulah menggunakan pas semasa My50 anda sehingga tamat tempoh dan akan diberikan perjalanan percuma pada

pembelian seterusnya. Untuk semua pengguna My50 yang mempunyai tarikh tamat tempoh antara 17 Jun hingga 14 Julai 2022, anda dapat menikmati perjalanan percuma selama 30 hari untuk pembelian My50 yang seterusnya.

Contoh:

Anda memperbaharui pas My50 pada 14 Jun 2022 dan pas anda akan tamat tempoh pada 13 Julai 2022. Anda boleh ke mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL untuk membeli pas My50 yang baharu pada hari seterusnya (14 Julai 2022). Anda tidak akan dikenakan bayaran untuk pas My50 tersebut, namun caj RM0.50 transaksi tambah nilai Touch 'n Go masih dikenakan.

16. Saya ingin membeli token perjalanan di mesin TVM, boleh kah saya mendapatkan token RKLFR di mesin TVM?

Tidak. Semua mesin TVM akan tidak beroperasi selama tempoh RKLFR. Muat turun aplikasi MyRapid PULSE yang terdapat di Apple Store dan Google Play atau dapatkan borang tinjauan di mana-mana Pejabat Khidmat Pelanggan, isi butiran anda, serahkan kepada Pegawai Khidmat Pelanggan kami dan anda akan diberi token perjalanan percuma.

17. Saya tidak memiliki telefon bimbit pintar untuk memuat turun aplikasi MyRapid PULSE dalam Apple Store atau Google Store sepanjang tempoh kempen. Adakah saya masih boleh menikmati RKLFR?

Ya, boleh. Anda disarankan untuk mengisi borang tinjauan RKLFR di mana- mana Pejabat Khidmat Pelanggan Rapid KL.

18. Adakah aplikasi MyRapid PULSE wajib dimuat turun bagi mendaftar dan mendapatkan perjalanan percuma?

Tidak, anda boleh menikmati perjalanan percuma tanpa memuat turun aplikasi MyRapid PULSE ataupun mengisi borang tinjauan. Jangan bimbang jika anda tidak dapat memuat turun aplikasi MyRapid PULSE, Pegawai Khidmat Pelanggan kami sedia membantu anda untuk anda nikmati perjalanan percuma ini.

19. Adakah pengguna Rapid KL perlu membayar caj tambah nilai RM0.50?

Perlu. Caj ini dikenakan untuk setiap transaksi tambah nilai Touch 'n Go. Tiada sebarang pembayaran akan dikenakan bagi pengaktifan My50

20. Saya adalah pelanggan Rapid Penang dan Rapid Kuantan, bolehkah saya menikmati RKLFR menggunakan perkhidmatan Rapid Penang dan Rapid Kuantan?

Tidak. RKLFR hanya untuk perkhidmatan Rapid KL Lembah Klang sahaja.

21. Saya adalah seorang pelanggan Bas Skip Stop Express, adakah saya dapat menikmati RKLFR?

Ya. RKLFR adalah terpakai untuk semua perkhidmatan Rapid KL dari 16 Jun hingga 15 Julai 2022.

22. Adakah RM0.01 akan dipulangkan semula selepas saya menyentuh keluar sistem di bas?

Ya, RM0.01 akan dikembalikan semula dalam kad Touch 'n Go anda selepas anda sentuh keluar sistem bas. Caj tambang kad/ pas anda akan disifarkan di pintu keluar di setiap perjalanan. Sentuh kad seperti biasa untuk keluar dan masuk apabila menaiki perkhidmatan Rapid KL.

23. Jika pengguna bas menggunakan kad Touch 'n Go yang sama untuk beberapa orang, adakah semua pengguna boleh menggunakan kad yang sama untuk dapatkan perjalanan percuma?

Tidak. Satu kad Touch 'n Go adalah untuk satu orang pengguna. Setiap pengguna bas perlu sentuh masuk dan sentuh keluar sistem bas menggunakan kad Touch 'n Go masing-masing.

24. Saya adalah pengguna My50 melalui aplikasi Bonuslink dan ingin menebus pas perjalanan percuma My50, adakah saya boleh menikmati RKLFR?

Ya, anda layak untuk menikmati RKLFR tetapi anda hanya boleh menebus pas My50 Bonuslink anda selepas tamat tempoh kempen RKLFR.

25. Bolehkah pelanggan baru ingin melanggan pas My50 sepanjang tempoh RKLFR?

Tidak. Pembelian dan pengaktifan pas My50 hanya dibenarkan kepada pengguna My50 sedia ada di mana pas mereka masih aktif sepanjang tempoh RKLFR. Untuk pelanggan baru, anda dinasihatkan untuk menggunakan platform lain seperti kad Touch 'n Go, token atau kad konsesi (jika ada) sepanjang tempoh RKLFR. Anda hanya boleh membeli pas My50 hanya selepas tamat tempoh RKLFR.

26. Bolehkah bukan warganegara Malaysia menikmati RKLFR?

Ya, RKLFR ini boleh dinikmati oleh semua pengguna baharu, berpotensi dan sedia ada Rapid KL, termasuk bukan warganegara Malaysia.

27. Saya adalah pengguna My50 tetapi MyKad/ MyTentera saya rosak/ tidak boleh dibaca semasa tempoh RKLFR. Apakah yang perlu saya lakukan?

Anda perlu menukar MyKad di mana-mana kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Anda dinasihatkan untuk menggunakan kad Touch 'n Go, token atau kad konsesi (jika ada) sepanjang tempoh RKLFR. Anda boleh membeli pas My50 menggunakan kad MyKad baru anda selepas tamat tempoh RKLFR.

**Proses penggantian MyTentera adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.*

Anda boleh memohon bayaran balik untuk baki hari My50 hari anda dengan menyerahkan dokumen anda ke portal bayaran balik My50 di www.myrapid.com.my. Baki hari akan ditukarkan kepada nilai tunai. Permohonan bayaran balik mesti dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembelian atau pembaharuan My50. Maklumat/dokumen yang diperlukan untuk bayaran balik adalah:

- (i) Nombor MFG MyKad (boleh didapati dari Slip Pengembalian Nilai Touch n' Go dari JPN atau resit pembelian/pembaharuan My50 yang dikeluarkan oleh Rapid KL)
- (ii) Nama bank
- (iii) Nombor akaun bank
- (iv) Resit pembelian atau pembaharuan
- (v) Slip Pengembalian Nilai TNG dari JPN (terpakai untuk MyKad)

Sila rujuk: <https://myrapid.com.my/ms/resources/faqs/>

Prasarana Berhad secara mutlak mempunyai hak untuk mengubah, memadam atau mengubah sesuai mana-mana maklumat tanpa sebarang notis awal.

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila emelkan kepada kami di suggest@rapidkl.com.my atau hubungi kami di 03-7885 2585 pada hari Isnin hingga Jumaat, dari 7.00 pagi hingga 8.30 malam, Sabtu hingga Ahad dan Cuti Umum dari 7.00 pagi hingga 5.30 petang.